

SIRI JELAJAH PENGANJURAN SEMINAR e-INVOIS PERINGKAT NEGERI SABAH DISAMBUT MERIAH

Kota Kinabalu, 8 Ogos 2024 – Usaha berterusan dalam memperkasa agenda nasional kerajaan menerusi pelaksanaan e-Invois diluaskan dan pada kali ini ke negeri Sabah. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Sabah dengan kerjasama Persatuan Kota Kinabalu *Chinese Chambers of Commerce & Industry* (KKCCCI) dan *The Federation of Chinese Associations Sabah* (FCAS) telah menganjurkan Seminar e-Invois yang berlangsung di Sabah International Convention Centre (SICC).

Siri jelajah ini merupakan salah satu agenda utama HASiL bertujuan untuk membuka ruang komunikasi dua hala antara HASiL dan pemain industri di pelbagai peringkat menerusi maklum balas serta cadangan berkaitan pelaksanaan e-Invois dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan HASiL sebagai agensi pemudah cara dalam kalangan masyarakat. Sesi kolaboratif ini telah dihadiri seramai hampir 1,500 orang peserta yang terdiri daripada para pengamal percukaian, badan profesional, ahli Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) yang sedang dan bakal melaksanakan e-invois.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri DSP (Dr) T.C. Goh, Presiden FCAS, YBhg. Datuk Michael Lui Yen Sang, Presiden KKCCCI, YBhg. Datuk Hisham Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan), YBrs. Encik Shaharuddy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) dan Encik Azrul Hisham Shamsudin, Pengarah Negeri HASiL Sabah. Taklimat e-Invois telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Rasyidah Che Rosli, Pengarah Seksyen Bahagian e-Invois.

YBhg. Datuk Abu Tariq Jamaluddin, dalam ucapannya menyatakan bahawa peralihan sistem e-Invois ini merupakan satu cabaran besar khususnya kepada para peniaga Kecil dan Sederhana di Sabah namun HASiL terus komited dan bersedia membantu dari segi sokongan teknikal dan memberikan panduan secara langsung untuk menyelesaikan sebarang isu yang timbul semasa pelaksanaan e-Invois. Beliau turut menyeru agar semua pihak berganding bahu bersama-sama dengan HASiL agar hasrat kerajaan untuk membina persekitaran ekonomi yang dinamik serta evolusi pendigitalan perniagaan tercapai.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 08 Ogos 2024



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia




@hasil_malaysia

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan ucapan perasmian sempena Seminar e-Invois di Sabah International Convention Centre (SICC) pada hari ini.



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin (tengah), YBhg. Tan Sri DSP (Dr) T.C. Goh (kiri), Presiden FCAS dan YBhg. Datuk Michael Lui Yen Sang (kanan), Presiden KKCCCI dalam sesi bergambar seusai majlis perasmian pagi ini.



Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bergambar kenang-kenangan bersama-sama dengan seramai hampir 1,500 orang peserta Seminar e-Invois.



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia